



The Observer

08.02.2019

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN ALAM MARITIM RESOURCES BERHAD (AMRB)

Kami telah menghadiri Mesyuarat Agung Luar Biasa AMRB yang diadakan pada 30 Januari 2019.

Antara resolusi yang dicadangkan adalah tentang ESOS. Kami membangkitkan dua isu yang berkaitan cadangan ESOS AMRB daripada perspektif tadbir urus korporat yang lebih baik:

1. Wajarkah Pengarah Bebas diberikan saham ESOS?
2. Adakah wajar Jawatankuasa ESOS dianggotai oleh Pengarah Eksekutif (ED) dan Pengurusan Kanan sahaja?

Kedua-duanya berkaitan AMRB dan telah diluluskan oleh pemegang saham dalam EGM AMRB.

1. Wajarkah Pengarah Bebas diberikan saham ESOS?

Jawatankuasa ESOS dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Dalam kes AMRB, kesemua Pengarah berhak mengambil bahagian dalam Cadangan ESOS baharu.

MSWG berpendapat bahawa ESOS tidak sepatutnya diberikan kepada Pengarah Bebas kerana mereka bukan 'kakitangan'. Kami menekankan ESOS secara definisi, ditawarkan kepada kakitangan kerana ia adalah akronim bagi 'Skim Opsyen Saham Kakitangan'.

Menjawab isu yang kami ketengahkan, AMRB memberikan tiga justifikasi mereka menawarkan saham ESOS kepada pengarah bebas:

1. Menyelaraskan kepentingan pemegang saham dengan kepentingan pengarah bebas
2. Untuk memastikan kesetiaan para pengarah bebas
3. Untuk menarik dan mengekalkan pengarah bebas yang berkualiti

Kami akan mengulas setiap justifikasi yang diberikan:

Menyelaraskan kepentingan pemegang saham dengan kepentingan pengarah bebas

Syarikat memberikan alasan, justifikasi menyelaraskan kepentingan Pengarah Bebas dengan kepentingan pemegang saham adalah supaya kedua-dua pihak mempunyai kepentingan yang sama iaitu sebagai pemegang saham.

Walau bagaimanapun, kita perlu mempertimbangkan kesan mudarat berbanding nilai probet daripada keputusan memberikan saham ESOS kepada pengarah bebas.

Pada pandangan kami, kesan mudarat yang timbul daripada potensi konflik kepentingan berikutan pemberian saham ESOS kepada pengarah bebas melebihi nilai probatif (berikutan penyelarasan kepentingan pengarah bebas dan pemegang saham).

Apabila Pengarah Bebas turut memegang saham di bawah ESOS, akan timbul risiko yang mana mereka 'terikat' oleh pertimbangan harga saham ketika membuat keputusan (terutama keputusan kewangan) bagi syarikat mereka.

Bagi menggambarkan justifikasi itu, pengarah bebas mungkin teragak-agak untuk membuat peruntukan rosot nilai bagi aset tertentu kerana ia mungkin menjejaskan keuntungan yang seterusnya memberi kesan terhadap harga saham. Pengarah Bebas berkenaan mungkin menanggungkan peruntukan rosot nilai kepada tahun/suku tahun akan datang iaitu selepas mereka menjual saham mereka. Potensi konflik kepentingan benar-benar wujud.

Menjadi pemegang saham di bawah ESOS boleh menjejaskan kebebasan seorang pengarah bebas atau sekurang-kurangnya mewujudkan persepsi curiga terhadap mereka.

Untuk memastikan kesetiaan para pengarah bebas

Terdapat banyak cara bagi sesebuah syarikat untuk menjamin kesetiaan pengarah bebas selain daripada pemberian saham ESOS. Antaranya, pemberian pakej imbuhan yang kompetitif serta persekitaran kerja yang kondusif, tadbir urus yang baik dan budaya kerja lembaga pengarah yang baik.

Untuk menarik dan mengekalkan pengarah bebas yang berkualiti

Syarikat boleh 'memikat' pengarah bebas yang berkualiti dengan menawarkan pakej imbuhan yang kompetitif. Satu lagi cara ialah melalui prestasi, tadbir urus dan reputasi syarikat. Ramai pengarah bebas yang berpotensi melakukan 'usaha wajar terhadap syarikat yang ingin mereka sertai.

Sesebuah syarikat boleh memberi penghargaan kepada pengarah bebas yang cemerlang dengan menambah ganjaran mereka dan tidak semestinya dengan memberikan saham ESOS.

Namun, AMRB memaklumkan bahawa syarikat (sektor minyak dan gas) berdepan masalah yang serius dan mereka tidak mampu menambah ganjaran pengarah bebas. Oleh itu mereka menawarkan saham ESOS sebagai ganti.

2. Adakah wajar Jawatankuasa ESOS dianggotai oleh Pengarah Eksekutif (ED) dan Pengurusan Kanan sahaja?

Jawatankuasa ESOS terdiri daripada Pengarah Eksekutif dan kakitangan Pengurusan Kanan sahaja yang dilantik oleh Lembaga Pengarah untuk pengagihan ESOS.

Jawatankuasa ESOS tidak dianggotai oleh mana-mana pengarah bebas. Oleh itu pengagihan saham ESOS tidak melibatkan proses pemikiran yang 'bebas'.

Dalam senario di atas, situasi yang berlaku ialah para 'eksekutif' mencadangkan kepada Lembaga jumlah saham yang perlu mereka terima dan jumlah saham yang perlu diterima oleh Pengarah Bukan Eksekutif.

Pengarah Bebas perlu ada dalam jawatankuasa ESOS bagi memastikan saranan yang dibuat kepada Lembaga oleh Jawatankuasa ini juga mempunyai 'rasa bebas'.

Pekeliling menyatakan bahawa Pengarah Eksekutif, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengurusan Kanan tidak mengambil bahagian dalam perbincangan dan pertimbangan yang melibatkan peruntukan mereka sendiri. Namun, ini adalah peraturan keadilan asasi dan tidak dapat mengelakkan potensi 'konflik kepentingan' serta persepsi terhadapnya jika jawatankuasa ESOS terdiri daripada Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan.

Walaupun kami mengiktiraf sumbangan pengarah bebas kepada Syarikat, kami tidak menggalakkan amalan pemberian ESOS kepada mereka kerana mereka memainkan peranan tadbir urus dalam Syarikat. Mereka juga perlu bertanggungjawab memantau peruntukan opsyen kepada pekerja dan pengarah eksekutif. Mereka perlu diberi ganjaran yang sepadan dengan peranan dan tanggungjawab mereka serta kemahiran dan pengalaman yang mereka bawa kepada Syarikat.

Lembaga Pengarah AMRB bersetuju mengetengahkan saranan MSWG dalam perbincangan Lembaga syarikat pada masa akan datang.

Ringkasnya, Pengarah Bebas tidak boleh diberikan saham di bawah ESOS atau mana-mana skim Geran Saham lain dan jawatankuasa ESOS perlu dianggotai beberapa pengarah bebas.

TINJAUAN MINGGUAN AGM/EGM MSWG UNTUK TEMPOH 4 HINGGA 8 FEBRUARI 2019

Tiada AGM/EGM diadakan dalam tempoh ini.

PASUKAN MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, devanesan@mswg.org.my
Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat, rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat, banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, norhisam@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat, linnert.hoo@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, cheemeng@mswg.org.my
Lim Cian Yai, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, cianyai@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini, kecuali bagi Suiwah Corporation Bhd dan Hovid Bhd.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke corporateservices@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.